

Media Title : Utusan Borneo Sabah
Headline : Pesara rugi lebih RM328,000 akibat penipuan telefon
Date : 27 March 2026
Section : Nasional
Page : 3



Pesara rugi lebih RM328,000 akibat penipuan telefon

KUANTAN: Seorang pesara kerugian lebih RM328,000 akibat terperdaya dengan sindiket penipuan menerusi panggilan telefon, bulan lepas.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata, lelaki berusia 64 tahun itu menerima panggilan telefon menerusi aplikasi WhatsApp daripada individu mendakwa diri pegawai polis dari Putrajaya.

Individu itu mendakwa mangsa terlibat kes penipuan dan akan ditangkap selain mengarahkannya membuka dua akaun bank bagi tujuan pemantauan transaksi kewangan oleh polis serta bagi membantu siasatan.

“Mangsa telah memasukkan wang simpanannya pada 5 Feb ke dalam akaun seperti diarahkan dan menyerahkan maklumat perbankan itu ke-

pada suspek,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Yahaya berkata, mangsa sedar ditipu selepas mendapati wang di dalam akaun itu tiada semasa membuat semakan semalam dan gagal menghubungi suspek.

Mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Rompin dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan. — Bernama